



Kementerian Kesihatan Malaysia

MOH/K/EPI/72.25(GU) - e
FWBD/KRM/GP/003 (Pindaan 2025)

GARIS PANDUAN PENGURUSAN WABAK KERACUNAN MAKANAN DI MALAYSIA

JILID 4



Kementerian Kesihatan Malaysia
Edisi Ketiga, 2025

Garis Panduan Pengurusan Wabak Keracunan Makanan di Malaysia

FWBD/KRM/GP/003(Pindaan 2025)



Kementerian Kesihatan Malaysia

Edisi Ketiga, 2025

MOH/K/EPI/72.25(GU) - e

Garis Panduan Pengurusan Wabak Keracunan Makanan di Malaysia

FWBD/KRM/GP/003(Pindaan 2025)

MOH/K/EPI/72.25(GU) - e

Hak Cipta Terpelihara. Buku ini tidak boleh dikeluarkan, keseluruhan atau sebahagiannya, dalam apa jua cara, elektronik atau mekanikal termasuklah fotokopi, merekod atau secara penyimpanan maklumat dan sistem pencarian yang diketahui sekarang atau yang dicipta kemudiannya tanpa permohonan bertulis daripada pengeluar.

Hakcipta

© Kementerian Kesihatan Malaysia

Diterbitkan Oleh

Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 3, 4, 6, Blok E10, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Wilayah Persekutuan Putrajaya

Edisi Ketiga – 2025

Diedarkan Oleh

Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

Kata Aluan

Ketua Pengarah Kesihatan

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua yang terlibat dalam semakan dan kemas kini garis panduan bagi pengurusan wabak penyakit bawaan makanan dan air di Malaysia.

Kadar jangkitan penyakit bawaan makanan dan air di Malaysia telah menurun hasil bekalan air bersih dan sistem sanitasi yang baik. Namun, cabaran masih wujud disebabkan oleh isu keselamatan makanan seperti amalan penyediaan yang tidak selamat, bahan mentah tercemar, kepelbagaian sumber makanan moden, perubahan iklim, jualan makanan secara dalam talian serta perkhidmatan penghantaran makanan yang meningkatkan risiko penularan penyakit.

Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan lengkap untuk petugas kesihatan di lapangan dalam menjalankan aktiviti pengesanan, penyiasatan, kawalan dan pencegahan wabak secara bersepadu. Ianya turut mengambil kira kemajuan teknologi dan amalan terbaik di peringkat nasional dan antarabangsa.

Semoga garis panduan ini dapat meningkatkan tahap kesiapsiagaan serta kecekapan petugas kesihatan dalam menangani wabak dengan lebih sistematik dan berkesan, sekaligus memperkukuhkan pengurusan kesihatan awam di Malaysia.

Sekian, terima kasih.



Datuk Dr. Mahathar bin Abd Wahab
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia



Kata Aluan

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, garis panduan bagi pengurusan wabak penyakit bawaan makanan dan air di Malaysia telah berjaya dikemas kini. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang telah menyumbang tenaga dan kepakaran.

Penyakit bawaan makanan dan air merupakan antara penyumbang kepada morbiditi dan mortaliti serta boleh memberi kesan kepada ekonomi dan kesejahteraan rakyat jika tidak ditangani.

Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa komited dalam menggubal dan melaksanakan polisi kesihatan awam yang proaktif dan responsif. Garis panduan ini merupakan antara inisiatif untuk memperkukuh sistem pemantauan, pencegahan dan kawalan penyakit di semua peringkat. Proses kemas kini dilaksanakan bagi memastikan garis panduan ini adalah terkini, komprehensif, berasaskan pengetahuan saintifik, selari dengan polisi kesihatan awam negara serta menerapkan prinsip-prinsip *public health precision*.

Saya yakin garis panduan ini akan memperkukuh pelaksanaan sistem penyampaian perkhidmatan kesihatan awam, seiring aspirasi negara ke arah masyarakat yang sihat, selamat dan berdaya tahan terhadap ancaman penyakit berjangkit. Semoga usaha ini menjadi satu langkah bermakna ke arah kesihatan awam yang lebih mampan.

Sekian, terima kasih.



Dr. Ismuni bin Bohari
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia



Pendahuluan

Kadar jangkitan penyakit bawaan makanan dan air di Malaysia menunjukkan penurunan hasil liputan perkhidmatan bekalan air bersih dan sanitasi yang tinggi. Namun begitu, kejadian masih berlaku disebabkan isu keselamatan makanan dan perubahan gaya hidup moden. Penyakit ini lazimnya berpunca daripada makanan atau air yang tercemar dengan agen seperti bakteria, virus, parasit atau bahan kimia, dan boleh menyebabkan kesan kesihatan yang serius jika tidak ditangani segera.

Garis panduan ini mula diterbitkan pada tahun 2000 sebagai rujukan utama dalam pengurusan penyakit bawaan makanan dan air. Selaras dengan perubahan dalam tren penyakit, faktor risiko dan kemajuan teknologi, semakan dan kemas kini telah dilakukan bagi memastikan kandungannya kekal relevan dan sesuai dengan keperluan semasa.

Semakan dan kemas kini garis panduan ini telah dilaksanakan oleh Unit Kawalan Penyakit Bawaan Makanan dan Air, Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kerjasama pelbagai pihak di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah. Ia turut mengambil kira pengalaman di lapangan, pengurusan wabak terdahulu, bukti saintifik terkini serta rujukan garis panduan antarabangsa.

Matlamat utama adalah untuk memberi panduan kepada petugas kesihatan di lapangan bagi pengesanan, penyiasatan, kawalan dan pencegahan secara sistematik, berkesan dan mengikut piawaian yang ditetapkan. Ia juga memperincikan peranan serta tanggungjawab setiap anggota bagi mengurangkan kesan terhadap kesihatan awam dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat.

Diharapkan garis panduan ini menjadi rujukan komprehensif yang dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua petugas kesihatan dan pihak berkepentingan.

Unit Kawalan Penyakit Bawaan Makanan dan Air
Sektor VPD/FWBD
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

Penghargaan

Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada setiap individu yang telah memainkan peranan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dalam menjayakan penerbitan semula garis panduan ini.

Penghargaan ini ditujukan kepada:

- Pengarang dan penyumbang Garis Panduan Pengurusan Wabak Penyakit Bawaan Makanan dan Air edisi terdahulu terutamanya YBrs Dr. Wan Mansor bin Hamzah dan YBrs Dr. Mohd Hanif bin Zailani,
- Ahli panel semakan dan kemas kini yang terdiri daripada pelbagai kepakaran dan jawatan mewakili pelbagai peringkat organisasi iaitu di ibu pejabat, negeri dan daerah yang telah menyumbang kepakaran, pengalaman dan pengetahuan bagi menghasilkan garis panduan yang komprehensif, sistematik, berkesan dan praktikal,
- Semua panel *reviewer* yang terdiri daripada Pakar Perubatan Kesihatan Awam yang telah melakukan semakan secara mendalam dan memberikan pandangan yang konstruktif terhadap garis panduan ini,
- Bahagian Kawalan Penyakit yang terdiri daripada Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit, Timbalan Pengarah Kawalan Penyakit (Penyakit Berjangkit) serta Ketua Sektor VPD/FWBD yang menginspirasi dan menyokong proses semakan,
- Semua anggota Unit Kawalan Penyakit Bawaan Makanan dan Air, Bahagian Kawalan Penyakit untuk usaha yang terus menerus dalam menjayakan setiap langkah bagi penerbitan semula garis panduan ini,
- semua individu yang telah dan dalam pelbagai cara, memberikan apa-apa sumbangan untuk penerbitan garis panduan ini.

Akhir sekali, kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Kementerian Kesihatan Malaysia atas kebenaran untuk menerbitkan garis panduan ini.

Jawatankuasa Editorial

Penasihat

Dr. Noraryana binti Hassan

Pakar Perunding Perubatan Kesihatan Awam

Dr. Husnina binti Ibrahim

Pakar Perunding Perubatan Kesihatan Awam

Dr. Harishah binti Talib

Pakar Perunding Perubatan Kesihatan Awam

Sidang Pengarang

Dr. Shahdattul Dewi Nur Khairitza binti Taib

Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Puan Nur Athirah binti Mohd Firdaus Siau

Pegawai Analisa Data

Puan Azrin Zulaikha binti Mohd Azam

Pegawai Analisa Data

Puan Nur Hayani binti Ahmad @ Che Osman

Pegawai Analisa Data

Puan Siti Munirah binti Rosly

Pegawai Analisa Data

Encik Badlishah Nizam bin Ramly

Ketua Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran

Puan Rohaida binti Jaafar

Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Kanan

Panel Semakan dan Kemas Kini

Dr. Shahril Azian bin Hj Masrom

Pakar Perunding Perubatan Kesihatan Awam

Dr. Abdullah Husam bin A Shukor

Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Dr. Nik Mohd Hafiz bin Mohd Fuzi

Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Dr. Norfazillah binti Ab Manan

Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Dr. Noor Hafizan binti Mat Salleh

Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Dr. Shreema A/P Rasiah

Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Dr. Nur Hanani Binti Ahmad

Pakar Patologi (Mikrobiologi Perubatan)

Dr. Alia Nasriana binti Nasruddin

Pakar Patologi (Kimia)

Puan Nur Anis Binti Mohd Sani

Pegawai Teknologi Makanan

Puan Nurrul Atikah binti Mohd Nasir

Pegawai Teknologi Makanan

Puan Rashidah bt Mohd Yusof
Pegawai Teknologi Makanan

Puan Hazly binti Mohamed
Pegawai Teknologi Makanan

Encik Tan Cheng Keng
Pegawai Teknologi Makanan

Puan R.Pusparani A/P Ramasamy
Pegawai Sains (Bakteriologi)

Puan Ushananthiny A/P Ravi
Pegawai Sains (Virologi)

Puan Kumuthamalar A/P Sangaran
Pegawai Sains (Parasitologi)

Encik Muhammad Adam bin Abdullah
Pegawai Kesihatan Persekitaran

Encik Muhammad Salleh bin Ibrahim
Penolong Pegawai Kesihatan
Persekitaran Kanan

Puan Nor Aishah Binti Abdul Basek
Penolong Pegawai Kesihatan
Persekitaran Kanan

Encik Fyzul Faisal bin Mohd Khadzi
Pegawai Kesihatan Persekitaran

Puan Ct Zawiah binti Ab Ghani
Pegawai Kesihatan Persekitaran

Dr. Muhammad bin Jikal
Pakar Perunding Perubatan Kesihatan
Awam

Dr. Diana Raj
Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Dr. Norayuni bt Mohd Ismail
Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Dr. Jamiatul Aida binti Md Sani
Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Dr. Aznita Iryany binti Mohd Noor
Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Dr. Rohani binti Ismail
Pakar Perunding Perubatan Kesihatan
Awam

Panel Semakan (Reviewer)

Dr. Sunita binti Abdul Rahman
Pakar Perunding Perubatan Kesihatan
Awam

Dr. Asiah binti Ayob
Pakar Perunding Perubatan Kesihatan
Awam

Dr. Noor Aizam bin Mohd Said
Pakar Perunding Perubatan Kesihatan
Awam

Kandungan

Prakata

Kata Aluan

Pendahuluan

Penghargaan

Senarai Penyumbang

Kandungan

Singkatan

Senarai Jadual dan Rajah

Senarai Lampiran

1.0 PENGENALAN	1
2.0 EPIDEMIOLOGI	2
3.0 AGEN JANGKITAN	3
4.0 BAGAIMANA KERACUNAN MAKANAN BERLAKU	3
4.1 Kontaminasi oleh agen	3
4.2 Proliferasi/amplifikasi mikroorganisma	4
4.3 Peningkatan <i>survival</i> mikroorganisma	4
5.0 DEFINISI	5
5.1 Definisi kes	5
5.2 Wabak/episod keracunan makanan	5
6.0 PENGURUSAN KESIHATAN AWAM	5
6.1 Notifikasi/aduan kes keracunan makanan	5
6.2 Verifikasi notifikasi/aduan	6
6.3 Penyiasatan wabak keracunan makanan	8
6.4 Aktiviti pencegahan dan kawalan	20

7.0 LAPORAN WABAK	23
7.1 Laporan awal	23
7.2 Laporan akhir	23
7.3 Lain-lain	24
 Lampiran	 25
Rujukan	66

Singkatan

KRM	Keracunan Makanan
%	Peratus
spp.	<i>Species</i>
DDT	<i>Dichloro-diphenyl-trichloroethane</i>
BHC	<i>Benzene hexachloride</i>
°C	<i>Degree celcius</i>
PKD	Pejabat Kesihatan Daerah
RAT	<i>Rapid Assessment Team</i>
RRT	<i>Rapid Response Team</i>
JBA	Jabatan Bekalan Air
HACCP	<i>Hazard Analysis and Critical Control Points</i>
MKAK	Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan
g	gram
ml	milliliter
cm	<i>centimeter</i>
NA	<i>Not Applicable</i>
VTM	<i>Viral Transport Medium</i>
MKAI	Makmal Kesihatan Awam Ipoh
MKAJB	Makmal Kesihatan Awam Johor Bahru
MKAKB	Makmal Kesihatan Awam Kota Bharu
MKAKK	Makmal Kesihatan Awam Kota Kinabalu
EDTA	<i>Ethylene Diamine Tetraacetic Acid</i>
IDRC	<i>International Development Research Centre</i>
IMR	<i>Institute for Medical Research</i>
NIH	<i>National Institutes of Health</i>
PVA/SAF	<i>Polyvinyl Alcohol/Sodium Acetate-Acetic Acid-Formalin</i>
K2EDTA	<i>Potassium Ethylene Diamine Tetraacetic Acid</i>
PPUM	Pusat Perubatan Universiti Malaya
HKL	Hospital Kuala Lumpur
FOSIM	<i>Food Safety Information System of Malaysia</i>
MKKM	Makmal Keselamatan & Kualiti Makanan

RTE	<i>Ready-to-eat</i>
PCR	<i>Polymerase Chain Reaction</i>
LILATI	Lipas, Lalat dan Tikus
TMC	<i>Trust My Catering</i>
SPOTREP	<i>Spot Report</i>
CPRC	<i>Crisis Preparedness and Response Centre</i>
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
VPD/FWBD	<i>Vaccine Preventable Diseases/Food Water Borne Diseases</i>
IMRAD	<i>Introduction, Methodology, Results and Discussion</i>
JKN	Jabatan Kesihatan Negeri
EIEC	<i>Enteroinvasive E. coli</i>
EHEC	<i>Enterohemorrhagic E. coli</i>
MSG	<i>Monosodium Glutamate</i>
ppm	<i>part per million</i>
PSP	<i>Paralytic Shellfish Poisoning</i>
NSP	<i>Neurotoxic Shellfish Poisoning</i>
COVID-19	<i>Corona Virus Disease-2019</i>

Senarai Jadual dan Rajah

Jadual

Jadual 1	Klasifikasi agen penyebab keracunan makanan	3
Jadual 2	Pensampelan klinikal kes	11
Jadual 3	Pensampelan persekitaran	16
Jadual 4	Pensampelan makanan dan minuman	17

Rajah

Rajah 1	Tren kes keracunan makanan di Malaysia, 2014-2023	2
Rajah 2	Carta alir siasatan dan aktiviti kawalan kejadian keracunan makanan	7

Senarai Lampiran

Lampiran 1	Jadual: Senarai Agen Etiologi yang Disyaki Berdasarkan Manifestasi Klinikal	25
Lampiran 2	Jadual: Penyakit Bawaan Makanan, Gejala dan Sumber Disyaki	27
Lampiran 3	Jadual: Kriteria Pengesahan Makmal, Klinikal dan Epidemiologi bagi Pengesahan Agen Etiologi Penyebab Keracunan Makanan	44
Lampiran 4	Borang <i>Risk Based</i>	47
Lampiran 5	Peraturan-peraturan Kebersihan Makanan 2009	48
Lampiran 6	Borang Siasatan Kes Penyakit Bawaan Makanan dan Air FWBD/001/KRM/Awal/2025 (Pindaan 2025)	49
Lampiran 7	Borang Laporan Akhir Wabak Keracunan Makanan FWBD/002/KRM/Akhir/2025 (Pindaan 2025)	54

1.0 PENGENALAN

Keracunan makanan (KRM) berpunca daripada pengambilan makanan atau minuman yang tercemar dengan mikroorganisma patogenik (bakteria, virus, parasit), toksin biologi, bahan kimia, dan bahan fizikal.^{1, 2}

Ciri-ciri klinikal KRM adalah berbeza bergantung kepada jenis patogen ataupun agen. Pada dasarnya, gejala yang disebabkan oleh KRM adalah seperti berikut:

- i. Gastroenteritis – keradangan pada perut dan usus dengan gejala seperti muntah, cirit-birit, demam, loya dan keletihan.
- ii. *Non-inflammatory diarrhoea* – biasanya disebabkan oleh virus atau toksin bakteria yang mengganggu keseimbangan cecair dalam usus tanpa menyebabkan keradangan. Gejala biasanya lebih ringan seperti cirit-birit berair, kekejangan perut ringan dan tiada demam.
- iii. *Inflammatory diarrhoea* – keradangan pada lapisan usus biasanya disebabkan oleh bakteria invasif seperti *Salmonella*, *Shigella* atau *E. Coli*. Gejala biasanya lebih teruk iaitu cirit-birit berdarah, demam tinggi dan sakit perut yang kuat.
- iv. Cirit-birit berpanjangan lebih daripada 14 hari.
- v. Gejala neurologi seperti *paresthesia*, depresi, kesukaran bernafas, *bronchospasm* dan kelumpuhan saraf kranial.
- vi. Gejala lain seperti lemah, arthritis dan jaundis. Rujuk Lampiran 1 untuk keterangan lebih lanjut.

Berdasarkan pemantauan surveilan penyakit, banyak kes KRM dilaporkan sebagai Gastroenteritis Akut (*Acute Gastroenteritis*, AGE). Berikut adalah definisi bagi kedua-dua keadaan:

KRM: merujuk kepada pesakit yang mengalami gejala seperti muntah, cirit birit, sakit perut dan lain-lain gejala selepas memakan makanan atau minuman yang tercemar.

AGE: istilah umum yang digunakan bagi radang pada saluran gastrointestinal yang disebabkan oleh pelbagai cara jangkitan termasuklah akibat memakan makanan atau minuman tercemar.


Semua kes yang mempunyai gejala muntah, cirit birit, sakit perut dan lain-lain gejala, dengan **sejarah pengambilan makanan/minuman**, perlu dinotifikasi sebagai KRM sehingga siasatan selesai. Ia perlu didaftarkan sebagai KRM sekiranya memenuhi definisi kes.

2.0 EPIDEMIOLOGI

Setiap tahun di seluruh dunia, 600 juta penyakit mengalami KRM dengan 420,000 kematian.² Sekitar 30% daripada kematian tersebut berlaku dalam kalangan kanak-kanak di bawah umur 5 tahun.² Di dunia, hampir 1 daripada 10 individu dilaporkan mengalami KRM setiap tahun.² Kadar insiden serta kadar kematian penyakit KRM adalah tertinggi di rantau Afrika dan rantau Asia Tenggara.³

Di Asia Tenggara, majoriti kematian penyakit bawaan makanan dan air adalah berpunca daripada *Norovirus*, *non-typhoidal Salmonella* dan patogenik *E. coli*.³ Risiko penyakit bawaan makanan adalah tertinggi di negara berpendapatan rendah dan sederhana kerana penggunaan air tidak dirawat, amalan kebersihan yang tidak higienik, tahap pendidikan yang rendah serta undang-undang keselamatan makanan yang tidak mencukupi.³

Di Malaysia, kadar insiden KRM adalah hampir sama bagi tempoh 10 tahun (2014-2023) iaitu di antara 41.0 hingga 58.0 per 100,000 penduduk. Terdapat penurunan pada tahun 2020 dan 2021 disebabkan oleh pandemik COVID-19 (kadar insiden kurang daripada 30.0 per 100,000 penduduk). Pada tahun 2023, bilangan kes tertinggi berlaku dalam kalangan individu berumur 7-17 tahun (51%) diikuti oleh kumpulan umur 18-40 tahun (35%). Kes KRM tertinggi dilaporkan oleh Selangor (2,648 kes), Perak (2,104 kes) dan Johor (1,600 kes). Bagi kadar insiden per 100,000 penduduk, Wilayah Persekutuan Labuan melaporkan kadar insiden tertinggi (139.3) diikuti oleh Negeri Sembilan (113.8) dan Melaka (93.9). Terdapat 1 kematian dilaporkan pada tahun 2023 iaitu 0.01% daripada keseluruhan 17,896 kes.



Rajah 1: Tren kes keracunan makanan di Malaysia, 2014-2023

3.0 AGEN JANGKITAN

KRM berpunca daripada pengambilan makanan atau minuman yang tercemar dengan mikroorganisma patogenik (bakteria, virus, parasit), toksin biologi, bahan kimia, dan bahan fizikal.

Jadual 1: Klasifikasi agen penyebab keracunan makanan¹

Agen penyebab	Agen/Patogen	Contoh
Mikroorganisma patogenik	Bakteria	<i>S. Typhimurium</i> , <i>S. Enteritidis</i> , <i>Salmonella Choleraesuis</i> , <i>S. aureus</i> , <i>C. botulinum</i> , <i>C. perfringens</i> , <i>B. cereus</i> , <i>E. coli</i> , <i>Campylobacter spp.</i> , <i>Salmonella spp.</i> , <i>Listeria monocytogenes</i>
	Virus	<i>Norovirus</i> , <i>Adenovirus</i> , <i>Rotavirus</i> , <i>Astrovirus</i> , <i>Sapovirus</i> , <i>Enterovirus</i>
	Parasit	<i>Toxoplasmosis</i> , <i>helminth</i> , <i>Trichinella</i> , <i>Taenia</i>
Toksini biologi	Bakteria	<i>C. botulinum</i> , <i>C. perfringens</i> , <i>S. aureus</i> , <i>B. cereus</i>
	Tumbuhan beracun	Cendawan beracun, <i>Datura</i> , <i>Algae</i>
	Tisu haiwan beracun	Ikan beracun mengandungi <i>tetrodotoxin</i> (ikan buntal) atau <i>siguatoxin</i> , kerangan tercemar dengan <i>saxitoxin</i>
Bahan kimia	Pestisid, insektisid	<i>Dichlorodiphenyltrichloroethane (DDT)</i> , <i>Benzene hexachloride (BHC)</i> , <i>Malathion</i>
	Logam berat	Plumbum, merkuri, arsenik, kadmium
	Logam industri	Merkuri, plumbum, arsenik
	Pengawet makanan	Asid borik, sulfur dioksida, asid benzoik
Bahan fizikal	Lain-lain bendasing	Rambut, serpihan kaca, batu, kayu

Agen-agen penyebab KRM serta ciri-ciri klinikal khusus ditunjukkan dengan lebih terperinci dalam jadual **di Lampiran 2**.

4.0 BAGAIMANA KERACUNAN MAKANAN BERLAKU

Pada asasnya, KRM berlaku akibat memakan makanan/minuman yang tercemar. Pencemaran makanan boleh berlaku melalui 3 cara utama iaitu:

- Kontaminasi oleh agen
- Proliferasi/amplifikasi mikroorganisma
- Peningkatan *survival* mikroorganisma

Dalam siasatan wabak KRM, penyiasat seharusnya dapat membuat rumusan samada KRM disebabkan oleh faktor **kontaminasi**, **proliferasi** atau pun **peningkatan survival**.

4.1 Kontaminasi oleh agen

Kontaminasi berlaku apabila agen atau penyebab dari luar mencemari makanan akibat amalan pengendalian makanan yang tidak selamat. Kontaminasi boleh berlaku melalui:

- Kontaminasi terus daripada bahan mentah sedia tercemar.
- Kontaminasi secara silang dengan peralatan, premis atau tangan pengendali makanan/pekerja premis makanan/pengendali dijangkiti atau pembawa.

Berikut adalah agen yang boleh menyebabkan kontaminasi:

- i. Kontaminasi kimia (contoh bahan pencuci, *sanitizer*, sianid atau fenoltalein yang secara sengaja dimasukkan)
- ii. Kontaminasi bahan fizikal (contoh rambut, serpihan peralatan, lipas dll)
- iii. Kontaminasi bahan toksin/racun semulajadi (contoh ciguatera, cendawan beracun)
- iv. Kontaminasi dengan bakteria/virus/parasit (contoh *Salmonella Enteritidis* dalam telur, *Norovirus* dalam kerang, *E. coli* dalam taugeh)

4.2 Proliferasi/amplifikasi mikroorganisma

Berikut adalah keadaan yang sesuai di mana agen mikrobial boleh bertambah bilangan dengan cepat dan/atau menghasilkan toksin sebelum makanan dimakan

- i. Membiarkan makanan berada pada suhu bilik melebihi 4 jam.
- ii. Penyimpanan bahan mentah dan makanan dalam suhu yang tidak sesuai. Contoh:
 - a. Suhu *cold-holding* melebihi 5°C (contoh: peti sejuk tidak berfungsi/rosak)
 - b. suhu *iced-holding* melebihi -18°C membolehkan pertumbuhan perlahan patogen *psychrophilic*
 - c. Suhu semasa *hot-holding* kurang daripada 63°C (contoh: alatan tidak berfungsi, jumlah makanan terlampau banyak)
- iii. Pengawetan/fermentasi tidak sempurna (contoh: tempe, tapai, daging proses, keju).
- iv. Nyahbeku (*thawing*) tidak sempurna (contoh *room thawing*).
- v. Pembungkusan anaerobik/modifikasi persekitaran yang tidak optimum (contoh: ikan dibungkus secara hampagas/vakum, salad dalam beg berisi gas).

4.3 Peningkatan *survival* mikroorganisma

Faktor ini merujuk kepada proses atau langkah yang sepatutnya diambil agar agen dapat dihapuskan atau dikurangkan tetapi tidak dilakukan kerana sebab-sebab di bawah.

- i. Tempoh dan/atau suhu semasa memasak/proses pemanasan tidak sempurna (contoh: memanggang daging, makanan berkaleng, pasteurisasi).
- ii. Tempoh dan/atau suhu semasa pemanasan semula (*reheating*) tidak sempurna (contoh: makanan berkuah, sos).
- iii. Asidifikasi tidak sempurna (contoh: *mayonnaise*, tomato bertin).
- iv. Nyahbeku (*thawing*) tidak sempurna dan diikuti masak tidak sempurna (contoh: ayam, ayam belanda, daging).

5.0 DEFINISI

5.1 Definisi kes

5.1.1 Kriteria klinikal

Muntah dan/atau cirit-birit dan/atau kehadiran gejala-gejala akut lain yang berkaitan dengan memakan makanan/minuman.

Ia juga boleh termasuk gejala neurologi seperti *paresthesia*, *motor weakness* dan *cranial nerve palsy*.

5.1.2 Kriteria makmal

Isolasi patogen ataupun kehadiran agen bukan mikrobiologi daripada spesimen.

Semua kes yang dilaporkan sebagai KRM, walaupun tanpa sebarang keputusan makmal, adalah dianggap telah pun disahkan.

Ujian makmal terhadap spesimen klinikal pesakit atau spesimen makanan berkaitan episod yang dilaporkan hanyalah untuk mengesahkan jenis organisma atau toksin penyebab keracunan sahaja.

5.2 Wabak/episod keracunan makanan

Apabila berlaku 2 atau lebih kes KRM daripada punca makanan dan masa pendedahan yang sama. Pengesahan makmal tidak diperlukan untuk notifikasi KRM.

6.0 PENGURUSAN KESIHATAN AWAM

Bagi langkah-langkah tindakan pencegahan dan kawalan kejadian KRM, rujuk carta alir siasatan dan aktiviti kawalan kejadian KRM (rujuk Rajah 2, muka surat 6).

6.1 Notifikasi/aduan kes keracunan makanan

Pegawai Perubatan yang mengendalikan kes atau yang bertanggungjawab terhadap sesebuah fasiliti kesihatan atau perubatan di mana kes KRM dikendalikan adalah bertanggungjawab untuk membuat notifikasi kes berkenaan ke Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) terdekat melalui telefon dalam masa 24 jam, disusuli dengan pemakluman ke dalam sistem pelaporan kes. Aduan KRM juga boleh diterima daripada orang awam dan PKD berkenaan hendaklah membuat input ke dalam sistem pelaporan kes setelah ia diverifikasi.

Semasa aduan/notifikasi diterima, perlu maklumkan kepada pengadu agar semua makanan termasuk baki makanan, bekas makanan dan bungkusan disimpan sehingga pasukan penyiasat kesihatan menilai keperluan sampel/spesimen tersebut. Jika tidak perlu, sampel/spesimen berkenaan boleh dimusnahkan.

6.2 Verifikasi notifikasi/aduan

Pasukan penyiasat perlu membuat pengesahan berikut.


6.2.1 Maklumat kes dan kejadian:

- i. Tempat berlakunya kejadian keracunan makanan
- ii. Jumlah kes yang terlibat
- iii. Jumlah individu yang terdedah
- iv. Tarikh dan onset kes pertama
- v. Tanda dan gejala
- vi. Jenis makanan yang disyaki
- vii. Bilangan mendapat rawatan samada pesakit luar atau pesakit dalam
- viii. Tarikh dan masa mendapat rawatan, serta nama dan alamat institusi perubatan
- ix. Maklumat-maklumat lain yang berkaitan

6.2.2 Maklumat pemberitahu dan penerima aduan:

- i. Nama pemberitahu dan penerima aduan
- ii. Lain-lain butiran pemberitahu dan penerima aduan
- iii. Nombor telefon pemberitahu
- iv. Tarikh dan masa

Siasatan hendaklah menggunakan BORANG SIASATAN KES PENYAKIT BAWAAN MAKANAN DAN AIR FWBD/001/KRM/Awal/2025 (Pindaan 2025). Siasatan perlu dilakukan bagi mencari kes lain yang mempunyai *epid link* serta punca kejadian KRM tersebut. Sekiranya hasil verifikasi memenuhi kriteria wabak KRM, bilik gerakan perlu diaktifkan. Rujuk Garis Panduan Umum Pengurusan Wabak Pindaan 2025.



Rajah 2: Carta alir siasatan dan aktiviti kawalan kejadian keracunan makanan

Nota: RAT-Rapid Assessment Team; RRT-Rapid Response Team; PBT-Pihak Berkuasa Tempatan; JBA-Jabatan Bekalan Air

6.3 Penyiasatan wabak keracunan makanan

Semasa di lapangan, tindakan-tindakan berikut perlu dilakukan:

6.3.1 Siasatan epidemiologi

i. Menjalankan siasatan/temuduga

- a. Lakukan temuduga ringkas terhadap semua atau sejumlah orang yang mengalami gejala untuk mengetahui apakah gejala-gejala utama yang dialami, apakah jenis makanan berisiko yang berkemungkinan menjadi punca kepada keracunan, daripada manakah makanan atau minuman tersebut didapati dan siapakah pembekal yang terlibat.
- b. Perkara-perkara yang perlu ditanya seterusnya bergantung kepada rumusan awal yang dibuat oleh pegawai penyiasat semasa menjalankan temuduga ringkas di atas. Sebagai panduan, penyiasat disyor menggunakan borang FWBD/001/KRM/Awal/2025 (Pindaan 2025). Walau bagaimanapun, penyiasat hendaklah tidak terlalu terikat dengan hanya bertanya soalan-soalan di dalam borang tersebut sahaja.
- c. Kenalpasti berapa ramai populasi di tempat kejadian yang merupakan kumpulan yang terdedah untuk mendapat keracunan. Mereka terdiri daripada keseluruhan penghuni atau tetamu di situ, samada mengalami gejala atau tidak.

ii. Analisa deskriptif

- a. Lakukan analisa deskriptif untuk menjelaskan perkara-perkara asas seperti berikut:

- Kadar serangan (*attack rate*), dikira mengikut formula:

$$\text{Kadar Serangan, \%} = \text{Bilangan Kes} / \text{Bilangan terdedah} \times 100\%$$

- Dalam kalangan yang bergejala, kategorikan mengikut maklumat sosiodemografi seperti jantina, kumpulan umur, pekerjaan dan sebagainya.
 - Keluk epidemik
 - Peratus pesakit mengikut gejala utama (taburan frekuensi dalam bentuk peratusan).
- b. Buat rumusan awal tentang jenis makanan yang disyaki, mikroorganisma/agen disyaki, serta faktor risiko berdasarkan gejala, tempoh inkubasi, keluk epidemik, aduan pelajar, analisa deskriptif.

iii. Analisa analitikal

- a. Kajian analitikal dibuat untuk membuktikan hipotesis awal penyebab KRM.
- b. Apabila hasil analisa deskriptif gagal menjelaskan perkara tersebut, penyiasat perlu mempertimbangkan untuk menjalankan kajian epidemiologi secara analitik.
- c. Bagi tujuan tersebut, jika populasi tidak begitu ramai, lakukan temuduga terhadap semua populasi tersebut. Langkah ini membolehkan analisa statistik dibuat mengikut kaedah kohort retrospektif.
- d. Jika populasi terlalu ramai dan penyiasat tidak mempunyai cukup anggota untuk melakukan temubual, pilih sebahagian daripada mereka yang ada gejala dan sebahagian yang tidak mengalami sebarang gejala secara rawak. Langkah ini membolehkan analisa statistik dibuat mengikut kaedah kes kontrol.

6.3.2 Siasatan persekitaran

- i. Menjalankan penilaian risiko ke atas premis makanan dan pengendali makanan di mana berlakunya kejadian KRM dengan menggunakan kaedah berasaskan risiko (*risk based*). Rujuk Lampiran 4.
- ii. Maklumat penilaian risiko perlu disampaikan kepada pasukan yang menjalankan kawalan di lapangan agar perintah di bawah Seksyen 18 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dapat diselaraskan. Membuat penilaian risiko terhadap makanan/minuman yang disyaki tercemar melalui kaedah penyiasatan KRM berdasarkan konsep HACCP (rujuk kepada Garis Panduan Penyiasatan Keracunan Makanan Berdasarkan Konsep HACCP yang boleh didapati di laman sesawang rasmi Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM).

6.3.3 Siasatan makmal

i. Sampel klinikal

Rujuk Jadual 2 untuk keterangan lanjut.

- a. **PENGAMBILAN SAMPEL KLINIKAL AMAT PENTING** kerana ia boleh memberi petunjuk mengenai jenis patogen penyebab KRM. Ini kerana, sampel makanan biasanya tidak dapat diperolehi semasa penyiasatan.
- b. Sampel terbaik adalah najis di mana ianya adalah lebih sensitif.
- c. Jika *high rectal swab* diambil, pastikan ianya dilakukan oleh anggota kesihatan. Swab perlulah dipastikan mempunyai calitan najis sebelum dihantar.
- d. Untuk meningkatkan sensitiviti pengesanan patogen, pastikan kes yang dipilih untuk pensampelan masih mempunyai gejala.
- e. Untuk wabak, tidak semua kes perlu diambil sampel.
Sampel perlu diambil sekurang-kurangnya 10%. Jika nilai 10% itu kurang daripada 10 sampel, dicadangkan supaya 10 sampel diambil.

- f. Jika pensampelan yang banyak diperlukan atas sebab-sebab tertentu, mohon untuk berbincang dengan makmal kesihatan awam yang terlibat.
 - g. Jika patogen disyaki adalah bakteria dan virus, 2 sampel klinikal perlu diambil bagi setiap kes.
- ii. Sampel pengendali makanan

Sampel najis/*high rectal swab*, swab hidung, tekak dan lain-lain.

Rujuk Jadual 2 untuk keterangan lanjut.
- iii. Sampel persekitaran

Rujuk Jadual 3 untuk keterangan lanjut.

Pastikan swab persekitaran yang dipilih adalah yang paling berisiko menyebabkan keracunan. Contoh: permukaan papan pemotong, sudip, senduk, permukaan meja, peti ais, kepala paip, effluent tangki septik dan lain-lain.
- iv. Sampel makanan

Rujuk Jadual 4 untuk keterangan lanjut.

Jadual 2: Pensampelan klinikal kes

Jenis Sampel	Isipadu Sampel	Bekas Spesimen/ Media	Suhu Penyimpanan dan Penghantaran	Tempoh Penghantaran	Borang	Makmal
Bacteria: <i>Campylobacter jejuni</i>/sp., <i>Aeromonas</i> sp., <i>Plesiomonas shigelloides</i>, <i>Yersinia enterocolitica</i>, <i>Bacillus cereus</i>, <i>Listeria monocytogenes</i>, <i>Diarrheagenic Escherichia coli</i>, <i>Staphylococcus aureus</i>						
1. Culture & Sensitivity						
<i>Stool</i>	3-5g/sebiji kacang pea/watery stool	Bekas steril	Suhu Bilik	Sampel MESTI diterima di makmal dalam tempoh 2 jam selepas pengambilan	Borang Permohonan Ujian Makmal (Spesimen Klinikal) MKAK-BPU-U01/Rev2018 – Borang Permohonan Ujian_PER-PAT 301	Semua Makmal Mikrobiologi
<i>Stool</i>	3-5g/sebiji kacang pea/watery stool	<i>Cary Blair transport media</i>	Suhu Bilik	24 jam		
			2-8°C	48 jam		
<i>High rectal swab (4-5cm)</i>	Pastikan terdapat palitan tinja pada swab	<i>Cary Blair transport media</i>	Suhu Bilik	24 jam		
2. Pulsed Field Gel Electrophoresis (PFGE)						
<i>Isolate</i>	NA	<i>Nutrient Agar/Blood Agar</i>	Suhu Bilik	48 jam	MKAK-BPU-U01/Rev2018 – Borang Permohonan Ujian Makmal (Spesimen Klinikal)/ PER-PAT 301/ Borang ELBIS	MKAK
Bacteria: <i>Salmonella</i> spp.						
1. Culture & Sensitivity						
<i>Stool</i>	3-5g/sebiji kacang pea/watery stool	Bekas steril	Suhu Bilik	Sampel MESTI diterima di makmal dalam tempoh 2 jam selepas pengambilan	MKAK-BPU-U01/Rev2018– Borang Permohonan Ujian Makmal (Spesimen Klinikal)/ PER-PAT 301	Semua Makmal Mikrobiologi
<i>Stool</i>	3-5g/sebiji kacang pea/watery stool	<i>Cary Blair transport media</i>	Suhu Bilik	24 jam		
			2-8°C	48 jam		
<i>High rectal swab (4-5cm)</i>	Pastikan terdapat palitan tinja pada swab	<i>Cary Blair transport media</i>	Suhu Bilik	24 jam		
			2-8°C	48 jam		
<i>Blood</i>	0.5-3.0ml	<i>Blood Culture Bottle (Paeds)</i>	Suhu Bilik	Secepat mungkin selepas pengambilan darah		
<i>Blood</i>	5.0-10.0ml	<i>Blood Culture Bottle (Adult)</i>	Suhu Bilik	Secepat mungkin selepas pengambilan darah		

Jenis Sampel	Isipadu Sampel	Bekas Spesimen/ Media	Suhu Penyimpanan dan Penghantaran	Tempoh Penghantaran	Borang	Makmal
2. Serotyping						
Isolate	NA	Nutrient Agar/Blood Agar	Suhu Bilik	48 jam	MKAK-BPU-U01/Rev2018 – Borang Permohonan Ujian Makmal (Spesimen Klinikal)/ PER-PAT 301	MKAK, MKI (Zon Utara)
3. Pulsed Field Gel Electrophoresis (PFGE)						
Isolate	NA	Nutrient Agar/Blood Agar	Suhu Bilik	48 jam	MKAK-BPU-U01/Rev2018 – Borang Permohonan Ujian Makmal (Spesimen Klinikal)/ PER-PAT 301	MKAK
Virus: Norovirus GI, Norovirus GII, Rotavirus, Adenovirus F40/F41, Astrovirus, Sapovirus						
1. PCR						
Stool	5ml/1.5cm cube	Bekas steril	2-8°C	Hantar segera selepas sampel diambil. Jika kelewatan penghantaran dijangkakan, simpan sampel dalam suhu 2-8°C sehingga 48 jam. Jika melebihi 48 jam, sampel hendaklah disimpan pada suhu -70°C.	Borang Permohonan Ujian Makmal (Spesimen Klinikal) MKAK-BPU-U01/Rev2018	MKAK, MKAI
Rectal swab	NA	Bekas steril dengan 2.0-2.5ml VTM				
Virus: Norovirus, Rotavirus						
1. RTK						
Stool	5ml/1.5cm cube	Bekas steril	2-8°C	Hantar segera selepas sampel diambil. Jika kelewatan penghantaran dijangkakan, simpan sampel dalam suhu 2-8°C sehingga 48 jam. Jika melebihi 48 jam, sampel hendaklah disimpan pada suhu -70°C.	Borang Permohonan Ujian Makmal (Spesimen Klinikal) MKAK-BPU-U01/Rev2018	MKAK, MKAI, MKAJB, MKAKB, MKAKK

Jenis Sampel	Isipadu Sampel	Bekas Spesimen/ Media	Suhu Penyimpanan dan Penghantaran	Tempoh Penghantaran	Borang	Makmal
Virus: Enterovirus						
1. PCR						
Stool	5ml/1.5cm cube	Bekas steril	2-8°C	Hantar segera selepas sampel diambil. Jika kelewatan penghantaran dijangkakan, simpan sampel dalam suhu 2-8°C sehingga 48 jam. Jika melebihi 48 jam, sampel hendaklah disimpan pada suhu -70°C.	Borang Permohonan Ujian Makmal (Spesimen Klinikal) MKAK-BPU-U01/Rev2018	MKAK, MKAI, MKAJB, MKAKB, MKAKK
Rectal swab	NA	Bekas steril dengan 2.0-2.5ml VTM				
Parasit: Giardia lamblia/Giargia duodenalis (Giardiasis)						
1. PCR						
Stool	3-5g	Bekas steril/Cary Blair	Jika kelewatan penghantaran dijangkakan, simpan sampel dalam suhu 2-8°C	Hantar segera selepas sampel diambil	PER. PAT 301	MKAK
Parasit: Taenia saginata/Taenia solium (Taeniasis)						
1. Serology (IgG Antibody)						
Serum, anti-coagulated blood	2.0ml	Plain Tube, EDTA tube	Hantar sampel dengan pek ais	Hantar segera selepas sampel diambil	PER. PAT 301	Unit Parasitology, IDRC IMR NIH Setia Alam
2. Stool Ova and Cysts - Microscopy						
Fresh stool or Fixed stool	3-5g	Stool dalam bekas steril atau Fixed stool dalam PVA/SAF	Suhu Bilik	Spesimen harus diterima di makmal dalam masa 24 jam.	PER. PAT 301	Unit Parasitology, IDRC IMR NIH Setia Alam

Jenis Sampel	Isipadu Sampel	Bekas Spesimen/ Media	Suhu Penyimpanan dan Penghantaran	Tempoh Penghantaran	Borang	Makmal
Parasit: <i>Trichinella sp.</i> (Trichinellosis)						
1. Serology (IgG Antibody)						
Serum, anti-coagulated blood	2.0ml	Plain Tube, EDTA tube	Hantar sampel dengan pek ais	Hantar segera selepas sampel diambil	PER. PAT 301	Unit Parasitology, IDRC IMR NIH Setia Alam
Chemical: Lead						
1. Lead level in blood						
Blood	2.0ml	K2EDTA tube atau EDTA trace element tube	Penyimpanan: 2-8°C, 7 hari Penghantaran: 2-8°C	Jangan empar spesimen. Hantar pada 2-8°C	PER. PAT 301	Hospital Selayang
Chemical: Cadmium						
1. Cadmium level in urine						
Urine	5.0 ml	Bekas Urin (Acid-washed)	Penyimpanan: 2-8°C, 7 hari Penghantaran: 2-8°C		PER. PAT 301	PPUM
Chemical: Copper						
1. Copper level in serum						
Blood	2.0ml	Plain tube tanpa gel atau tiub trace element EDTA tube	Penghantaran: 2-8°C	Emparkan untuk mendapatkan serum	PER. PAT 301	Hospital Selayang
2. Copper level in urine						
24-hour urine	5ml daripada 24-hour urine	24-hour urine container	Penghantaran: 2-8°C		PER. PAT 301	Hospital Selayang

Jenis Sampel	Isipadu Sampel	Bekas Spesimen/ Media	Suhu Penyimpanan dan Penghantaran	Tempoh Penghantaran	Borang	Makmal
Chemical: Zinc						
1. Zinc level in serum						
Blood	5ml	Plain tube (Trace element free)	Penghantaran: 2-8°C	Emparkan untuk mendapatkan serum	PER. PAT 301	PPUM
2. Zinc level in urine						
24-hour urine	5ml daripada 24-hour urine	Botol Urin 24-jam (Acid-washed)	Penghantaran: 2-8°C		PER. PAT 301	PPUM
Chemical: Carbamates, Organophosphate						
1. Cholinesterase level in serum						
Blood	3-5ml	Plain tube	Penghantaran: 2-8°C	Emparkan untuk mendapatkan serum	1. Borang Permohonan Ujian Paras Cholinesterase 2. PER-PAT 301	1. MKAK, MKA Ipoh, MKA JB, MKA KB, MKA KK 2. HKL, Hospital Selayang
Chemical: Mercury						
1. Mercury level in urine						
Random urine	20ml	Urine container	Penghantaran: 2-8°C		MKAK-BPU-U01/Rev2018 – Borang Permohonan Ujian Makmal (Spesimen Klinikal)	MKAK

Jadual 3: Pensampelan persekitaran*

Jenis Sampel	Isipadu Sampel	Bekas Spesimen/ Media	Suhu Penyimpanan dan Penghantaran	Tempoh Penghantaran	Borang	Makmal
Bacteria: <i>Escherichia coli</i>, Coliform, <i>Staphylococcus aureus</i>, <i>Bacillus cereus</i>						
1. Culture						
Swab	1 unit	Quick Swab with transport medium 1ml letheen broth	0°-4.4°C	24 jam	Borang A (jana dari sistem FOSIM)	MKA & MKKM
Bacteria: <i>Escherichia coli</i> O157, <i>Salmonella</i> spp.						
1. Culture						
Swab	1 unit (berasingan)	Quick Swab with transport medium 1ml letheen broth	0-4.4°C	24 jam	Borang A (jana dari sistem FOSIM)	MKA & MKKM
Bacteria: <i>Vibrio parahaemolyticus</i>						
1. Culture						
Swab	1 unit (berasingan)	Swab with transport medium alkaline peptone water or other suitable medium	7-10°C (guna ice pack sahaja)	24 jam	Borang A (jana dari sistem FOSIM)	MKA & MKKM
2. PCR						
Swab	1 unit (berasingan)	Swab with transport medium alkaline peptone water or other suitable medium	7-10°C (guna ice pack sahaja)	24 jam	Borang A (jana dari sistem FOSIM)	MKA & MKKM
Bacteria: <i>Listeria monocytogenes</i>, <i>Staphylococcus aureus</i>, <i>Salmonella</i> spp., <i>Cronobacter sakazakii</i>, <i>Escherichia coli</i> O157:H7, <i>Salmonella Typhimurium</i>						
1. PCR						
Swab	1 unit (berasingan)	Quick Swab with transport medium 1ml letheen broth	0-4.4°C	24 jam	Borang A (jana dari sistem FOSIM)	MKA & MKKM

*Sampel swab yang sama boleh diambil bagi parameter *E. coli*, coliform, *S. aureus* dan *Bacillus cereus*, manakala sampel swab yang berasingan perlu diambil bagi patogenik microorganisma yang lain. (eg.: *Salmonella* spp.) Jika memerlukan kesemua ujian tersebut, 2 sampel perlu diambil dan dihantar.

Jadual 4: Pensampelan makanan dan minuman**

Jenis Sampel	Isipadu Sampel	Bekas Spesimen/ Media	Suhu Penyimpanan dan Penghantaran	Tempoh Penghantaran	Borang	Makmal
Bacteria: <i>Escherichia coli</i>, coliform, Coagulase positive staphylococci, <i>Bacillus cereus</i>, <i>Salmonella</i> spp.						
1. Culture						
<i>Samples of fresh, perishable, refrigerated, food poisoning products, semi-preserved products, RTE</i>	250g	Bekas Steril	0-4.4°C	24 jam	Borang A (jana dari sistem FOSIM)	MKA & MKKM
<i>Frozen samples</i>			-18-0°C			
<i>Samples of shelf stable packaged products & dried products</i>			Not exceeding ambient temperature			
<i>Treated water/potable water, ice</i>			0-4.4°C			
Bacteria: <i>Vibrio parahaemolyticus</i>						
1. Culture						
<i>Samples of fresh, perishable, refrigerated, food poisoning products, semi-preserved products, RTE</i>	250g	Bekas Steril	7-10°C (guna ice pack sahaja)	24 jam	Borang A (jana dari sistem FOSIM)	MKA & MKKM
<i>Frozen samples</i>			-18-0°C (guna ice pack sahaja)			
<i>Samples of shelf stable packaged products & dried products</i>			Not exceeding ambient temperature			
<i>Treated water/potable water, ice</i>			7-10°C (guna ice pack sahaja)			

Jenis Sampel	Isipadu Sampel	Bekas Spesimen/ Media	Suhu Penyimpanan dan Penghantaran	Tempoh Penghantaran	Borang	Makmal
Bacteria: Clostridium perfringens, Pseudomonas aeruginosa						
1. Culture						
Treated water / potable water, ice	250g	Bekas steril	0-4.4°C	24 jam	Borang A (jana dari sistem FOSIM)	MKA & MKKM
Bacteria: Cronobacter spp.						
1. Culture						
Milk and milk products	250g	Bekas Steril	0-4.4°C	24 jam	Borang A (jana dari sistem FOSIM)	MKA & MKKM
Bacteria: Total Plate Count, Escherichia coli O157, Listeria monocytogenes, Staphylococcus aureus, Yeast and Mold Count						
1. Culture						
Samples of fresh, perishable, refrigerated, food poisoning products, semi-preserved products, RTE	250g	Bekas Steril	0-4.4°C	24 jam	Borang A (jana dari sistem FOSIM)	MKA & MKKM
Frozen samples			-18-0°C			
Samples of shelf stable packaged products & dried products			Not exceeding ambient temperature			
Bacteria: Salmonella spp., Cronobacter sakazakii, Escherichia coli O157:H7, Listeria monocytogenes, Staphylococcus aureus, Salmonella typhimurium						
1. PCR						
Samples of fresh, perishable, refrigerated, food poisoning products, semi-preserved products, RTE	250g	Bekas Steril	0-4.4°C	24 jam	Borang A (jana dari sistem FOSIM)	MKA & MKKM
Frozen samples			-18-0°C			
Samples of shelf stable packaged products & dried products			Not exceeding ambient temperature			
Treated water/potable water, ice			0-4.4°C			

Jenis Sampel	Isipadu Sampel	Bekas Spesimen/ Media	Suhu Penyimpanan dan Penghantaran	Tempoh Penghantaran	Borang	Makmal
Bacteria: <i>Vibrio parahaemolyticus</i>						
1. PCR						
<i>Samples of fresh, perishable, refrigerated, food poisoning products, semi-preserved products, RTE</i>	250g	Bekas Steril	7-10°C (guna ice pack sahaja)	24 jam	Borang A (jana dari sistem FOSIM)	MKA & MKKM
<i>Frozen samples</i>			-18-0°C (guna ice pack sahaja)			
<i>Samples of shelf stable packaged products & dried products</i>			<i>Not exceeding ambient temperature</i>			
<i>Treated water/potable water, ice</i>			7-10°C (guna ice pack sahaja)			
Bacteria: <i>Brucella</i> spp.						
1. PCR						
<i>Goat and cow milk</i>	250g	Bekas Steril	0-4.4°C	24 jam	Borang A (jana dari sistem FOSIM)	MKA & MKKM
Virus: <i>Adenovirus</i>						
1. PCR						
<i>Treated/Potable water, ice</i>	500ml	Bekas Steril	0-4.4°C	24 jam	Borang A (jana dari sistem FOSIM)	MKA & MKKM

** Berat sampel makanan yang ideal dan diperlukan adalah 250g, tetapi tidak tertakluk bagi sampel-sampel dalam siasatan keracunan makanan apabila sampel makanan adalah terhad.

6.4 Aktiviti pencegahan dan kawalan

6.4.1 Aktiviti perundangan

- i. Menkuatkuasakan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.
Rasional pemakaian Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 kerana ia merupakan perundangan yang khusus berkaitan pencegahan dan kawalan penyakit berjangkit.
 - a. Menyediakan kerangka undang-undang yang komprehensif bagi menguruskan pelbagai aspek berkaitan penyakit berjangkit termasuk pengesanan awal, pemantauan, pelaporan dan pelaksanaan intervensi kesihatan awam dalam mengawal penyakit berjangkit secara sistematik dan berkesan.
 - b. Memberi kuasa kepada pegawai diberi kuasa untuk melaksanakan tindakan segera seperti penutupan premis, pengasingan individu, arahan kuarantin, pelaksanaan aktiviti disinfeksi serta penguatkuasaan pematuhan SOP bagi mencegah penularan wabak.
 - c. Memperuntukkan kuasa penguatkuasaan kepada pegawai diberi kuasa bagi menjalankan siasatan, pemeriksaan, pensampelan serta mengambil tindakan perundangan terhadap individu atau premis yang melanggar.
 - d. Penggunaan akta ini dapat melindungi kesihatan masyarakat secara menyeluruh, khususnya dalam menangani penyakit yang mudah berjangkit, berbahaya dan boleh membawa maut jika tidak dikawal.

